

# Negara lemah, rakyat pecah-belah

*Asas persaudaraan berteraskan ikhlas patut dihidupkan elak permusuhan*

**R**amai kalangan kita yang tidak menghargai nikmat persaudaraan, sedangkan itu adalah antara nikmat kurniaan Allah SWT yang amat berharga kepada umat Islam. Dalam Islam, setiap manusia adalah sama melainkan ketakwaan mereka kepada Allah SWT.

Firman Allah SWT dalam Surah Al-Hujarat, ayat 13 yang bermaksud: "Wahai umat manusia! Sesungguhnya Kami telah menciptakan kamu daripada lelaki dan perempuan, dan Kami telah jadi kamu berbangsa dan bersuku puak supaya kamu berkenal-kenalan dan beramah mesra antara satu sama lain. Sesungguhnya semulia-mulia kamu di sisi Allah ialah orang yang lebih takwanya di antara kamu, bukan yang lebih keturunan atau bangsananya. Sesungguhnya Allah lebih mengetahui lagi maha mendalam pengetahuannya akan keadaan dan amalan kamu."

Apabila tidak menghargai nikmat persaudaraan, kita tidak mampu menghayati hakikat persamaan taraf antara manusia. Sebab itulah kadangkala kita sukar untuk berbuat baik antara satu sama lain atas nama manusia, sedangkan segala bangsa yang melata di seluruh dunia ini berasal daripada keturunan yang sama iaitu Adam dan Hawa.

Perbezaan warna kulit, bahasa dan tempat bukanlah halangannya untuk saling kenal mengenal bagi memupuk persaudaraan sebagai asas persaudaraan ummah. Sesungguhnya hubungan silaturahim itu amat penting kerana tiada seorang pun boleh hidup sendirian.

Daripada Abi Musa: Rasulullah bersabda yang bermaksud: "Orang Mukmin



*Setiap Muslim perlu bersatu hati dalam memelihara keharmonian negara.*

[ GAMBAR HIASAN ]

terhadap orang Mukmin yang lainnya, tidak ubah bagaikan sebuah bangunan yang bahagian-bahagian menguatkan satu sama lain".

## **Persaudaraan tunjang perpaduan**

Jelas bahawa persaudaraan adalah sendi dan tunjang kekuatan perpaduan manusia yang dapat menjamin keharmonian dalam kehidupan. Oleh itu, ikatan persaudaraan perlu dijaga dan dipelihara agar terus berpanjangan dan tetap dinikmati, hidup subur dan berterusan hingga ke akhir hayat.

Untuk menjadikannya satu kenyataan, Islam mensyaratkan supaya persaudaraan itu dibina atas dasar ikhlas semata-mata untuk mendapat reda Allah SWT. Inilah rahsia yang menghasilkan perpaduan dalam persaudaraan, kerana orang yang beriman akan melaksanakan suruhan Allah atas dasar keikhlasan yang akan menjadikan mereka orang yang berakhlak mulia.

Ia akan sentiasa berusaha menyuburkan ukhuwah Islamiah itu dengan ikatan kasih sayang dan sanggup berkorban.

Hasil kewujudan ukhuwah Islamiah itu dapat dirasakan dan dinikmati apabila ada sifat ingin bantu membantu dan memberikan pertolongan kepada mereka yang memerlukannya yang bersemarak ke dalam jiwa dan turut merasa senang jika saudara kita memperoleh

nikmat dan kebahagiaan, jauh sekali merasa dengki dan khianat.

Malangnya hari ini, sesama rakan sekera pun ada yang tidak baik kerana hasad dengki yang beraja.

Rasulullah SAW banyak memberikan panduan dan nasihat kepada umatnya bagaimana cara mengeratkan hubungan silaturahim tersebut.

Antaranya sabda Baginda SAW dalam hadis yang diriwayatkan oleh Imam Bukhari daripada Ibnu Umar ra: Baginda Rasulullah SAW bersabda yang bermaksud: "Bahawa seorang Muslim itu menjadi saudara seorang Muslim lainnya, kerana itu, tidak diperbolehkan seorang Muslim itu menganiaya saudara Muslim yang lainnya. Juga tidak boleh seorang Muslim itu menghinakan saudara Muslim lainnya.

"Dan barang siapa memberikan pertolongan yakni memenuhi hajat keperluan saudaranya, maka Allah pun memenuhi dan menyelesaikan segala keperluan hajatnya dan barang siapa yang memberikan kemudahan atau memberikan kelapangan bagi kesesahan seorang Muslim, nescaya Allah melampirkan kesesahannya di hari kiamat."

Inilah rahsia orang Islam yang menjadikan ikatan persaudaraan sebagai benteng perpaduan ummah. Kerana umat yang bersatu padu dan bantu membantu termasuk membimbing dan

memberi petunjuk untuk melakukan kebaikan dan menolak kejahatan, serta saling berkasih-kasihan akan membentuk satu pertahanan atau benteng yang sangat kuat dan kukuh dan sukar untuk dipecahbelahkan.

Oleh itu, Rasulullah SAW memper-saudarakan kaum Ansar dan Muhajirin. Dengan ikatan muhibah tersebut, akhirnya segala usaha dan rancangan mengembangkan Islam menjadi kuat dan berjaya kerana mendapat sokongan pengikut Rasulullah SAW yang sentiasa bersatu hati.

## **Rakyat pecah-belah, negara rugi**

Kita perlu ingat bahawa umat yang berpecah belah, tiada perpaduan dan tiada silaturahim akan tiada kekuatan, lemah dan rapuh. Hari ini, terlalu banyak contoh yang boleh dijadikan iktibar. Kebanyakan negara yang rakyatnya tidak bersatu dan suka berpecah belah, negaranya tidak aman dan harmoni, sebaliknya menghadapi pelbagai masalah yang merugikan diri sendiri.

Bukankah Allah SWT memberikan peringatan dengan firman-Nya yang bermaksud: "Dan berpegang teguhlah kamu sekalian kepada tali Allah SWT (Agama Islam) dan janganlah kamu bercerai-berai."

Justeru, kita haruslah meningkatkan, menjaga dan memelihara tali persaudaraan supaya ia tidak putus dan musnah dengan membina kasih sayang sesama manusia berasaskan keimanan dan keikhlasan.

Berdoalah kepada Allah SWT semoga tali persaudaraan kita tetap kukuh untuk selama-lamanya, sekali gus dapat membina keamanan dan kebahagiaan dalam kehidupan di dunia ini.

Firman Allah SWT dalam Surah Al-Hujarat Ayat 10 bermaksud: "Bahawasanya orang yang beriman itu adalah bersaudara, maka damaikanlah di antara dua saudara kamu yang bertelingkah itu dan bertakwalah kepada Allah SWT supaya kamu beroleh rahmat".



**NIK SALIDA SUHAILA NIK SALEH**

**Pensyarah Kanan**  
Fakulti Syariah dan  
Undang-Undang  
Universiti Sains  
Islam Malaysia